

# Kerajaan komited laksana Islam Hadhari

KUALA LUMPUR 23 Jun - Kerajaan komited untuk melaksanakan Islam Hadhari di negara ini kerana pendekatan itu mampu menyelesaikan pelbagai masalah masyarakat sama ada di peringkat domestik atau global.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Abdullah Md. Zin berkata, komitmen kerajaan itu jelas apabila Islam Hadhari telah dijadikan sebagai teras kepada pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Beliau berkata, apabila dasar Islam Hadhari diperkenalkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dua tahun lalu, peranan Islam Hadhari semakin mendapat pengiktirafan oleh pelbagai pihak.

"Kita amat bersyukur kerana pendekatan Islam Hadhari telah menjadi salah satu agenda utama kerajaan pada masa ini.

"Saya yakin melalui pendekatan ini ia mampu mencetus semula kegemilangan tamadun Islam di negara kita yang sebelum ini pernah bertapak pada zaman Rasulullah dan kemudian diperluaskan pada zaman khulifah dan seterusnya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian Kon-

vensyen Islam Hadhari Peringkat Kebangsaan di sini, hari ini.

Majlis itu telah dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak. Ia turut diha-diri oleh Menteri Wakaf Mesir, Prof. Dr. Mahmood Hamdy Zaqqouq.

Dalam perkembangan yang sama Abdullah berkata, di bawah pendekatan Islam Hadhari, satu perancangan yang bersifat komprehensif dan bersepadu telah diatur supaya ia sesuai dengan masalah dan umat Islam yang berlaku.

"Oleh itu ijtihad amat diperlukan memandangkan pada zaman ini pelbagai dilema dan permasalahan umat telah berlaku," ujarnya.

Berhubung dengan konvensyen yang diadakan hari ini, beliau berkata, ia mampu menghasilkan satu rumusan yang boleh dijadikan panduan dalam melaksanakan gerak kerja pembangunan negara dengan melibatkan masyarakat tanpa mengira bangsa dan agama.

"Dengan kombinasi padu semua pihak terdiri daripada pemimpin atau umarak para ulama dan cerdik pandai, Malaysia akan menjadi model negara Islam yang maju serta dapat mengulangi kejayaan tamadun Islam silam sesuai dengan keperluan semasa," tambahnya.